

11 NOV 1998

APEC-BERITA-MAHATHIR/I

MESYUARAT APEC 1998 PENTING DENGAN KEMASUKAN ANGGOTA BARU

KUALA LUMPUR, 11 Nov (Bernama) -- Mesyuarat Apec 1998 adalah penting dengan kemasukan Peru, Russia dan Vietnam sebagai anggota baru, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dalam prakata yang terkandung di dalam buku panduan media, Dr Mahathir berkata penyertaan negara-negara berkenaan di dalam Apec, forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik akan memberi sumbangan besar di rantau Asia-Pasifik.

Katanya Malaysia, terutamanya, mengalu-alukan tiga ekonomi tersebut sebagai anggota baru Apec.

Malaysia, pengerusi Apec, akan menjadi tuan rumah kepada mesyuarat keenam para pemimpin ekonomi Apec pada 17-18 Nov dan mesyuarat peringkat menteri ke-10 pada 14-15 Nov.

Pegawai-pegawai kanan akan bermesyuarat pada 12-13 Nov untuk memuktamadkan agenda itu.

Sebagai tuan rumah Apec tahun ini, Dr Mahathir berkata Malaysia telah mengikuti daya usaha yang diserahkan oleh para pemimpin ekonomi berkenaan dalam tahun 1997.

Katanya sepanjang tahun telah dikhususkan untuk menjadikan matlamat-matlamat kelonggaran syarat perdagangan dan kemudahan pelaburan sebagai kenyataan di rantau Asia-Pasifik menjelang tahun 2010 bagi ekonomi-ekonomi maju dan 2020 bagi negara anggota yang sedang membangun.

Katanya dalam proses itu, semangat kerjasama serta saling hormat menghormati di kalangan anggota Apec kini menjadi semakin erat.

Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia berbangga dan gembira menjadi tuan rumah kepada semua pemimpin serta rombongan yang menyertai mesyuarat ini.

-- BERNAMA

THG MA